

Program Jom Masuk IPT Zon Sarawak pada 19-20 Februari

UiTM penganjur utama program yang bakal berlangsung di BCCK

KUCHING: Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak akan menjadi penganjur utama program Jom Masuk IPT Zon Sarawak 2022 oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Program tersebut dijadualkan bermula pada 19 dan 20 Februari ini di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) dan dijangka dirasmikan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

“Pelbagai maklumat akan dikongsikan wakil-wakil IPT terbabit seperti universiti awam, politeknik, kolej komuniti dan institut latihan kemahiran awam (ILKA).”

Kenyataan UiTM Cawangan Sarawak

“Program Jom Masuk IPT 2022 Zon 3 Sarawak diharapkan dapat memberipendekhan kepada calon-calon lepasan SPM, STPM dan setaraf dengannya yang ingin mendapatkan maklumat mengenai program pengajian yang ditawarkan insituti pengajian tinggi (IPT).

“Pelbagai maklumat akan dikongsikan wakil-wakil IPT terbabit seperti universiti awam, politeknik, kolej komuniti dan institut latihan kemahiran awam (ILKA).

“Pelajar juga berpeluang berurusan dengan Bahagian Pengurusan Kemasukan

Pelajar (BPKP) yang akan menguruskan Sistem UPU dan juga penganjur program ini,” kata UiTM Cawangan Sarawak menerusi kenyataan, semalam.

Tambahnya juga, program tersebut akan memberi peluang kepada pelajar untuk bersemuka dengan wakil IPT bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan program-program pengajian yang ditawarkan.

Sebanyak 21 IPT awam dan 24 IPT swasta dijangka

menyertai program ini, antaranya, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), UCSI University, Kolej Segi Sarawak dan MAHSA University.

Program itu juga disertai beberapa ILKA daripada agensi atau kementerian seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Simpanan Nasional (BSN), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Ma-

JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
HEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Jom Masuk IPT Zon SARAWAK 2022

MASUK PERCUMA

AKTIVITI MENARIK:

- 1 Pameran Pendidikan Tinggi
- 2 Taklimat Kerjaya & Sesi Interaktif
- 3 IPT BUZZ
- 4 Cabutan Bertuah

SEMUA DIJEMPUT HADIR

BORNEO CONVENTION CENTRE KUCHING

19 FEB 2022 | 8.30 PG - 6.00 PTG
20 FEB 2022 | 8.30 PG - 4.00 PTG

UPU ONLINE
UiTM Cawangan Sarawak | Kemasukan BPKP JPT

POSTER PROGRAM: UiTM Cawangan Sarawak akan menjadi penganjur utama program Jom Masuk IPT Zon Sarawak 2022.

laysia Qualifications Agency (MQA).

Program dua hari itu akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran pendidikan tinggi, taklimat kerjaya dan sesi interaktif, IPT BUZZ, cabutan bertuah dan banyak lagi.

Semua lepasan SPM, STPM dan setaraf dengannya

dijemput untuk mengambil peluang tersebut bagi mengintai program pengajian yang ditawarkan selain berpeluang menyertai pelbagai aktiviti.

Hubungi pihak penganjur di talian 082-678200 Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (HEA) selaku urusetia bagi mendapatkan maklumat lanjut.